



UNTUK SIARAN SEGERA

Persidangan IAS Kali Ke-7 berkenaan Patogenesis, Rawatan dan Pencegahan HIV (IAS 2013) di Kuala Lumpur akan menandakan satu lagi detik penting dalam lipatan sejarah epidemik HIV – memperbaharui optimisme bahawa epidemik dapat dikawal menjelang 2050

Jumaat, 22 Mac 2013 (Kuala Lumpur, Malaysia) – Para penganjur Persidangan IAS Kali Ke-7 berkenaan Patogenesis, Rawatan dan Pencegahan HIV (IAS 2013) telah bermesyuarat sepanjang minggu ini di Kuala Lumpur untuk memuktamadkan aturcara persidangan. IAS 2013 yang bakal berlangsung dari 30 Jun hingga 3 Julai 2013 di Kuala Lumpur, Malaysia dianjurkan oleh International AIDS Society (IAS), dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan Kajian AIDS (CERiA), Universiti Malaya serta sokongan daripada MyCEB, Biro Persidangan & Pameran Malaysia.

IAS 2013, persidangan saintifik terbuka berkenaan HIV/AIDS yang terbesar di dunia, akan menjadi tarikan para saintis, pengamal perubatan, pakar kesihatan awam dan pemimpin komuniti dari seluruh dunia, dan bertindak sebagai platform yang ideal untuk meneliti perkembangan terbaru dalam penyelidikan HIV. IAS 2013 akan berlangsung tatkala penemuan saintifik HIV kian memuncak; penemuan-penemuan terkini berkaitan rawatan anti-retrovirus awal termasuklah 'bayi Mississippi' di Amerika Syarikat dan kohort VISCONTI di Perancis akan dianalisis secara halus.

Buat julung-julung kalinya, Persidangan IAS akan diadakan di Asia dan menumpukan fokus terhadap epidemik HIV di negara tuan rumah dan rantau Asia, memberikan peluang kepada pihak berkepentingan di Malaysia untuk membincangkan pencapaian sehingga kini serta cabaran yang spesifik kepada negara ini.

Profesor Françoise Barré-Sinoussi, Pengerusi Antarabangsa IAS 2013, Presiden IAS dan Pemenang Hadiah Nobel untuk penemuan virus HIV, sewaktu menyampaikan syarahan bertajuk "Dari Penemuan HIV sehingga Tamatnya AIDS" di Fakulti Perubatan Universiti Malaya minggu ini, menerangkan bagaimana kemajuan saintifik terkini berupaya untuk mengakhiri wabak HIV/AIDS. "Model matematik menunjukkan bahawa jika kita mencapai akses 100% kepada rawatan terapi antiretrovirus dan penghapusan transmisi ibu kepada anak di seluruh dunia, di samping pelaksanaan teknik-teknik pencegahan yang berterusan, kita mampu mengawal penularan HIV menjelang 2050. Namun begitu, masih banyak lagi cabaran yang menghalang kita daripada mencapai matlamat ini yang perlu kita atasi, termasuk bekalan ubat-ubatan terapi anti-retrovirus peringkat pertama yang berpatutan yang mencukupi di seluruh dunia," ujar beliau. "Sungguhpun demikian, saya teruja untuk mendengar penemuan saintifik baru yang bakal dibentangkan di IAS 2013 dan menggalakkan saintis muda khususnya untuk mengambil bahagian dalam persidangan ini dengan mendaftar dan mengirimitkan abstrak-abstrak late breaker."

Pengiriman Abstrak Late Breaker IAS 2013 akan dibuka pada 3 April dan ditutup pada 7 Mei. Proses pemilihan abstrak-abstrak late breaker adalah amat ketat dan abstrak yang terpilih lazimnya akan diumumkan sebagai penemuan saintifik perintis untuk persidangan tersebut. Maklumat lanjut tentang abstrak-abstrak utama yang dibentangkan di persidangan-persidangan IAS yang lalu boleh didapati di sini.

“Kejayaan cemerlang saintifik yang ditempa baru-baru ini telah melonjakkan semula momentum dan memperbaharui optimisme. Pelbagai halangan masih perlu lagi kita atasi, termasuklah akses universal kepada rawatan dan stigma terhadap populasi-populasi berisiko tinggi, namun saya yakin IAS 2013 akan menandakan satu lagi detik penting dalam usaha kita bersama untuk membendung penularan HIV dan menyediakan rawatan serta jagaan kepada orang yang hidup dengan HIV. Saya juga berharap Malaysia sebagai tuan rumah persidangan dapat menjadi pemangkin dalam menggalakkan penyelidikan berkaitan HIV di Malaysia dan rantau ini,” jelas Profesor Adeeba Kamarulzaman, Pengarah CERiA and Pengerusi Bersama Tempatan IAS 2013.

Aturcara IAS 2013 yang penuh akan diumumkan dalam talian di www.ias2013.org pada bulan Mei.

TAMAT

Daftar Sekarang untuk IAS 2013

Para peserta digalakkan untuk mendaftar sebelum 18 April 24:00 CET bagi mengelakkan surcaj ke atas yuran pendaftaran lewat. Untuk maklumat lanjut dan yuran pendaftaran sila klik sini.

Maklumat Lanjut

International AIDS Society (IAS) merupakan persatuan bebas yang terkemuka di dunia yang terdiri daripada para profesional dalam bidang HIV, dengan keahlian lebih daripada 16,000 orang dari 196 buah negara yang terlibat dalam semua peringkat respons AIDS yang global. Ahli-ahli IAS terdiri daripada penyelidik-penyelidik dalam semua disiplin, pengamal-pengamal perubatan, kesihatan awam dan komuniti yang berkhidmat dalam respons HIV/AIDS, serta perancang dasar dan program.

IAS ialah penganjur utama Persidangan IAS berkenaan Patogenesis, Rawatan dan Pencegahan HIV, yang akan berlangsung di Kuala Lumpur, Malaysia dari 30 Jun hingga 3 Julai 2013, dan penjaga Persidangan Antarabangsa AIDS, sebuah cara dwi-tahunan yang bakal berlangsung di Melbourne, Australia, 20-25 Julai 2014.

www.iasociety.org | www.ias2013.org | www.aids2014.org

Pusat Kecemerlangan Kajian AIDS (CERiA) telah ditubuhkan pada tahun 2007 untuk meningkatkan pemahaman tentang epidemik HIV di Malaysia dan membina kapasiti tempatan dalam menjalankan penyelidikan berkaitan HIV. Sejak penubuhannya, CERiA telah menjadi pusat penyelidikan terkemuka di Malaysia dalam lapangan kajian HIV merentasi pelbagai disiplin termasuk epidemiologi, tingkah laku sosial, serta kajian berasaskan makmal dan klinikal.

Biro Persidangan & Pameran Malaysia (MyCEB) ditubuhkan pada tahun 2009 oleh Kementerian Pelancongan Malaysia, untuk memperkukuhkan lagi jenama perniagaan pelancongan Malaysia di pasaran mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE). Sebagai sebuah organisasi yang tidak berasaskan keuntungan, MyCEB bertindak sebagai pusat setempat bagi membantu penganjur mesyuarat dan acara untuk membuat tawaran dan menganjurkan acara perniagaan antarabangsa di Malaysia serta bertindak sebagai saluran untuk perkembangan produk nasional. Harapan MyCEB adalah untuk mempertingkatkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi mesyuarat antarabangsa dan menambah kedatangan pelancong perniagaan ke Negara ini. Selain daripada acara perniagaan, komponen penting MyCEB terdiri daripada International Events Unit (IEU) atau Unit Acara Antarabangsa. Fokus IEU adalah untuk mengenalpasti and memberi sokongan terhadap pembidaan acara antarabangsa di dalam bidang sukan, seni, budaya dan gaya hidup. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.myceb.com.my

IAS 2013: Sertai perbualan

Dapatkan maklumat terkini tentang persidangan dan kongsi pendapat dan idea menerusi Facebook dan Twitter. 'Ikuti' kami – @_IAS2013 – dan 'tweet' bersama-sama kami menggunakan #IAS2013 untuk menyemarakkan perbualan. 'Suka' laman Facebook IAS 2013 – www.facebook.com/conferenceIAS2013 - untuk mendapatkan berita terkini mengenai persidangan.

Sekiranya kumpulan atau organisasi anda mengambil bahagian dalam IAS 2013, kami mengaluualukan kiriman gambar dan video ke laman Facebook kami. Maklumkan kepada kami tujuan anda ke Kuala Lumpur dan harapan anda untuk IAS 2013.

Untuk pertanyaan media, hubungi:

Zaki Arzmi (Kuala Lumpur, Malaysia), Penyelaras Komunikasi Tempatan IAS 2013

Emel: zaki@mac.org.my

Tel: +6 016 292 2948

Francesca Da Ros (Geneva, Switzerland), Pegawai Komunikasi dan Media

Emel: Francesca.Daros@iasociety.org

Tel: +41 22 710 0822

Siân Bowen (Geneva, Switzerland), Pengurus Kanan, Komunikasi

Emel: Sian.Bowen@iasociety.org

Tel: +41 22 710 0864